



Pejabat Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni)
Universiti Putra Malaysia

**PANDUAN KEMASUKAN PELAJAR KE KOLEJ KEDIAMAN SECARA
BERPERINGKAT BAGI SEMESTER KEDUA SESI 2020/2021
UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA.**

1. TUJUAN

Hebahan ini disediakan bertujuan untuk memberi panduan kepada pelajar mengenai kaedah pergerakan masuk pelajar ke kolej kediaman bagi Semester Kedua Sesi 2020/2021, Universiti Putra Malaysia Serdang bermula **4 Mac 2021** hingga **31 Mac 2021**.

2. PENDAHULUAN

2.1 Pada **16 Februari 2021**, satu hebahan telah dibuat melalui info UPM oleh Pejabat Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) UPM kepada semua pelajar yang dibenarkan kembali ke kampus UPM Serdang untuk aktiviti pengajaran dan pembelajaran (PdP) bagi Semester Kedua, Sesi 2020/2021.

2.2 Lanjutan daripada itu, Pejabat Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) pada **22 Februari 2021** telah mengeluarkan notis dan tatacara pentadbiran kemasukan pelajar ke kolej-kolej kediaman Universiti Putra Malaysia, kampus Serdang, Semester Kedua, Sesi 2020/2021.

3. PENGURUSAN KEMASUKAN PELAJAR KE KOLEJ KEDIAMAN MENGIKUT ZON, TARIKH & SESI BERMULA 4 MAC 2021 HINGGA 31 MAC 2021

Semua pelajar yang telah mendapat **sokongan/pengesahan** daripada pihak Fakulti/Pusat/Sekolah masing-masing untuk kembali ke kampus UPM Serdang dikehendaki mematuhi jadual kemasukan ke kolej kediaman secara berperingkat mengikut zon, tarikh dan sesi yang ditetapkan seperti berikut:-

A. Zon Utara dan Zon Timur (P. Pinang, Kedah, Perlis, Kelantan, Terengganu dan Pahang)

Tarikh	Sesi Pagi (8.30 pg – 12.30 tghri)	Sesi Petang (2.30 ptg – 4.30 ptg)
4 Mac 2021 (Khamis)	KC, KTDI, K17, KOSASS, K10, K12 & K14	KOSASS, KPZ, K12, K14 & K17
5 Mac 2021 (Jumaat)	KOSASS, KPZ, K12, K14 & K17	KC, KTDI, KOSASS, K10, K12, K14 & K17
6 Mac 2021 (Sabtu)	KC, KTDI, KOSASS, K10, K12 & K17	KPZ, K12, K14 & K17

B. Zon Tengah (Selangor, Perak, W.P. Kuala Lumpur dan W.P. Putrajaya)

Tarikh	Sesi Pagi (8.30 pg – 12.30 tghri)	Sesi Petang (2.30 ptg – 4.30 ptg)
7 Mac 2021 (Ahad)	KC, KTDI, KOSASS, K10, K12 & K14	KOSASS, KPZ, K12, K14 & K17
8 Mac 2021 (Isnin)	KOSASS, KPZ, K10, K12 & K14,	KC, KTDI, KOSASS, K12, K14 & K17
9 Mac 2021 (Selasa)	KC, KTDI, KOSASS, K10, K12 & K14	KTDI, K10, K12, K14 & K17

C. Zon Selatan (Negeri Sembilan, Melaka dan Johor)

Tarikh	Sesi Pagi (8.30 pg – 12.30 tghri)	Sesi Petang (2.30 ptg – 4.30 ptg)
10 Mac 2021 (Rabu)	KC, KTDI, KOSASS, K10, K12 & K14	KPZ, K12 & K14
11 Mac 2021 (Khamis)	KOSASS, KPZ, K12 & K14	KC, KTDI, KOSASS, K10, K12, K14 & K17
12 Mac 2021 (Jumaat)	KC, KTDI, KOSASS, K10, K12, K13 (Semua Zon) & K14	KTDI, KOSASS, K10, K13 (Semua Zon), K14 & K17

D. Pelajar Asasi Sains Pertanian (ASPER) di K13.

- i. 28 Mac 2021** (Ahad)
Zon Utara (P. Pinang, Kedah dan Perlis)
- ii. 29 Mac 2021** (Isnin)
Zon Timur (Kelantan, Terengganu dan Pahang)
- iii. 30 Mac 2021** (Selasa)
Zon Tengah (Selangor, Perak, W.P. Kuala Lumpur dan W.P. Putrajaya)
- iv. 31 Mac 2021** (Rabu)
Zon Selatan (Negeri Sembilan, Melaka dan Johor)

- E. Kemasukan pelajar dari Sabah dan Sarawak adalah bergantung kepada tarikh tiket penerbangan masing-masing sepanjang tempoh **4 Mac 2021** hingga **31 Mac 2021**.

4. PERMOHONAN UNTUK MENGINAP DI KOLEJ KEDIAMAN

- 4.1 Pelajar Luar Kampus (PLK) yang dibenarkan kembali ke kampus UPM Serdang untuk aktiviti PdP bagi Semester Kedua, Sesi 2020/2021 dan berkeperluan menginap di kolej kediaman, hendaklah mengemukakan permohonan ke Bahagian Perumahan dan Penempatan (BPP) melalui emel BPPUPM@upm.edu.my mulai **26 Februari 2021** hingga **28 Februari 2021**.
- 4.2 Pelajar dalam kategori berkeperluan menjalani praktikal, makmal, klinikal, latih amal, studio, bengkel dan peralatan khas, tetapi namanya tidak disenaraikan dalam senarai edaran ini hendaklah mengemukakan permohonan kepada dekan fakulti/sekolah atau pengarah pusat masing-masing mulai **26 Februari 2021** hingga **28 Februari 2021**.
- 4.3 Pelajar yang tidak mempunyai akses talian internet yang baik atau tidak mempunyai persekitaran yang kondusif bagi melaksanakan PdP dalam talian hendaklah mengemukakan permohonan kepada dekan fakulti/sekolah atau pengarah pusat masing-masing mulai **12 Mac 2021** hingga **19 Mac 2021**.
- 4.4 Keputusan permohonan akan dimaklumkan kepada pelajar melalui emel pelajar.

5. SARINGAN DAN PENILAIAN RISIKO JANGKITAN COVID-19

- 5.1 Pelajar **DIWAJIBKAN** mengisi borang soal selidik **Permohonan Memasuki Ke Kolej Kediaman UPM Semasa Perintah Kawalan Pergerakan Bagi Pelajar** (menerusi pautan: <https://forms.gle/bsQfZyVX6nxCryBT9>) **sehari sebelum** tarikh kemasukan ke kolej kediaman.
- 5.2 Pelajar turut **DIWAJIBKAN** membuat **Penilaian Risiko Jangkitan COVID-19 UPM** (melalui alamat url: <https://ertcovid19.upm.edu.my>) pada **hari kemasukan** ke kolej kediaman dengan mengemukakan paparan keputusan saringan tersebut kepada pihak berkuasa keselamatan.

(Nota tambahan: **Penilaian Risiko Jangkitan COVID-19 UPM** ini juga **WAJIB** diisi oleh pelajar pada **setiap hari** sepanjang tempoh berada di kolej kediaman)

- 5.3 Pelajar juga **DIWAJIBKAN** mengisi MySejahtera dan *Health Declaration Form* **sewaktu** mendaftar di kolej kediaman.
- 5.4 Pelajar yang berada dalam status *Person Under Investigation* (PUI) atau pelajar yang diarahkan oleh pihak berkuasa kesihatan untuk *self-quarantine* di rumah adalah **sama sekali tidak dibenarkan** memasuki kampus.
- 5.5 Sekiranya didapati bergejala, pelajar tersebut akan dirujuk ke Pusat Kesihatan Universiti (PKU) sebelum dibenarkan untuk memasuki premis kolej kediaman.
- 5.6 Pelajar bergejala akan ditempatkan di Blok/Aras pengasingan yang disediakan di setiap kolej bergantung kepada saranan, nasihat dan kebenaran daripada pihak PKU.
- 5.7 Bagi tatacara pengurusan kehadiran pelajar dan pengurusan diri di kolej kediaman, sila rujuk **Notis Dan Tatacara Pentadbiran Kemasukan Pelajar Ke Kolej-Kolej Kediaman Universiti Putra Malaysia, Semester Kedua, Sesi 2020/2021** yang telah diedarkan pada **20 Februari 2021**.

6. PENUTUP

Pelajar diminta untuk mematuhi panduan kemasukan ini bagi memastikan kelancaran proses kemasukan pelajar ke kolej kediaman Universiti Putra Malaysia, Serdang, Semester Kedua, Sesi 2020/2021, bermula **4 Mac 2021**.

Sekian, terima kasih.

"BERILMU BERBAKTI"

Saya yang menjalankan amanah,

PROFESOR DR. ARIFIN BIN ABDU

Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar Dan Alumni)

25 Februari 2021